



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Richiamo Mart buka cawangan di Bangi

Kumpulan sasar pembukaan 10 kedai baharu babit pelaburan sehingga RM3j

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Richiamo, jenama kopi tempatan mencipta sejarah yang tersendiri menerusi pembukaan cawangan kedai runcit Richiamo Mart yang pertama di Bangi, sekali gus meluaskan penguasaannya dalam industri peruncitan serta makanan dan minuman (F&B) Bumiputera.

Pengarah Urusan Richiamo Mart Sdn Bhd, Wan Najib Wan Daud, berkata pihaknya menyasarkan membuka 10 cawangan yang berkonsepkan kafe dan kedai runcit membabitkan pelaburan sebanyak RM2.5 juta sehingga RM3 juta.

Beliau berkata, pembukaan Richiamo Mart adalah untuk memberi pilihan kepada pelanggan selain menyediakan platform kepada usahawan tempatan terutama Bumiputera memasarkan produk mereka.

Katanya, ketika ini terdapat jenama usahawan tempatan yang memasarkan produk mereka menggunakan platform Richiamo Mart dan berhasrat dapat meningkatkannya kepada 60 hingga 70 peratus.

"Kami berhasrat majoriti pro-



Armizan merasmikan pembukaan Richiamo Mart di Bangi semalam.

(Foto BERNAMA)

duk dalam Richiamo Mart adalah produk keluaran tempatan selain daripada jenama nasional yang terkenal. Kami memperkenalkan konsep kafe di dalam kedai runcit di mana pelanggan boleh menikmati makanan seperti kopi, aiskrim, oden, serta makanan segera di makan sambil membeli-belah barang keperluan," katanya selepas majlis perasmian Richiamo Mart yang pertama di Bangi, semalam.

Majlis dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Cawangan kedua dan ketiga

Richiamo Mart akan dibuka tidak lama lagi di Petron Cheng, Melaka dan Seremban Oasis, Negeri Sembilan.

Pilihan baharu pelanggan

Manakala, cawangan keempat di Taman Dato Onn Johor Bahru dan cawangan kelima di Caltex Lebu Raya Sultanah Bahiyah Alor Setar Kedah.

Wan Najib berkata, Richiamo Mart adalah cabang perniagaan baharu di bawah Kumpulan Richiamo selain daripada Richiamo Manufacturing, Richiamo Coffee dan Yayasan Dakwah Negara.

Beliau berkata, penubuhan Richiamo Mart adalah kerana ia memberi pilihan baharu kepada pelanggan, sekali gus menyediakan satu platform kepada usahawan tempatan mempromosikan produk keluaran masing-masing selain dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan.

"Sememangnya perniagaan seperti ini selain mewujudkan rantaian perniagaan yang berterusan ia juga mampu memberi skala ekonomi yang luas dan sudah tentunya memberi banyak peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat serta peluang menjadi usahawan," katanya.

Dedah nama pengkhianat import, jual produk antiminyak sawit

• Kegiatan menjual produk makanan tertera perkataan 'No Palm Oil' (NPO) atau 'Tiada Minyak Sawit' pada plastik pembungkusan produk itu masih terus berleluasa

• Sepatutnya pemilik, pengusaha, peruncit, pemborong dan pengimport jangan hanya melihat keuntungan semata-mata, tetapi mereka perlu menterjemahkan sifat patriotik bagi pertahankan kepentingan dan kelestarian industri sawit negara

Oleh Ahmad Fauzi Mustafa
bhrencana@bh.com.my

Kumpulan pelabel antiminyak sawit pernah ditempelak Menteri Tenaga Air dan Telekomunikasi, Mending Tun Dr Lim Keng Yaik sebagai propaganda keganasan.

Malaysia terus 'diganyang' kumpulan berkenaan susulan beberapa Ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) pada satu ketika dulu mencadangkan resolusi melabelkan minyak tropika, termasuk minyak sawit sebagai minyak tumbuhan mampu meningkatkan paras kolesterol dalam darah, punca utama sakit jantung dan membahayakan kesihatan rakyat berikutan laporan berat sebelah akhbar *New York Times* serta *The Washington Post*.

Mujur resolusi itu tidak diluluskan. Itu cerita lebih 35 tahun lalu

yang memperlihatkan usaha kumpulan penyokong dan sokongan pelabel antiminyak sawit masih berterusan dengan agenda diskriminasi, tidak kira di luar negara mahupun dalam negara sendiri.

Sebenarnya perjuangan konsisten Malaysia memerangi diskriminasi antiminyak sawit tidak pernah luntur.

Kejayaan terbesar negara ditegaskan Menteri Perdagangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani bahawa Malaysia memenangi kes tuntutan diskriminasi biofuel minyak sawit dikeluarkan di

negara ini diperuntukkan dalam Akta Delegasi Kesatuan Eropah (EU).

Panel Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 5 Mac lalu, mengeluarkan laporan akhir dan menyimpulkan bahawa Akta Delegasi EU menyekat biofuel minyak sawit adalah bersifat diskriminasi.

Keputusan WTO ini menunjukkan tuntutan diskriminasi Malaysia adalah wajar. Ini membuktikan Malaysia memperjuangkan keadilan untuk biodiesel negara, peniaga, syarikat dan pekerja.

Umpama api dalam sekam

Namun, cerita sebenar sekarang siapa sebenarnya kumpulan penyokong dan sokongan pelabel antiminyak sawit di dalam negara sendiri ini? Mereka boleh diumpama api dalam sekam, gunting dalam lipatan, musuh dalam selimut mahupun musang berbulu ayam.

Bidalan sebegini begitu menyusup di sanubari lebih dua juta rakyat Malaysia yang terabit dalam rantaian nilai minyak sawit, termasuk lebih 440,000 pekebun kecil sawit, tetapi seolah-olah ada pihak tidak memiliki jiwa patriotik membabitkan pemilik, pengusaha, peruncit, pemborong dan pengimport yang langsung tidak mendedikannya.

Ingat, kesannya ke atas kesejahteraan rakyat adalah sangat besar. Kegiatan menjual produk makanan tertera perkataan 'No Palm Oil' (NPO) atau 'Tiada Minyak Sawit' pada plastik pembungkusan produk itu masih terus berleluasa.

Justeru, tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu sebuah kedai serbaneka di Presint 3 di Putrajaya, terus membuka mata rakyat Malaysia.

Ramai terkejut akan aktiviti kumpulan antiminyak sawit berlaku di ibu kota pentadbiran negara. Ini satu pencabulan kedaulatan negara dan satu pengkhianatan besar.

Penulis menyokong kenyataan Menteri Perdagangan dan Komoditi memberi amaran tegas kepada peruncit, pemborong dan pengimport di negara ini supaya tidak menjual, mengedar atau mengimport produk dilabel dengan kempen memboikot produk kelapa sawit.

Mungkin lebih baik, didedahkan sahaja nama syarikat tempatan, pasar raya besar, pasar mini, kedai serbaneka atau kedai runcit menyokong, mengedar, membekalkan serta menjual produk menggunakan label kempen antiminyak sawit.

Sepatutnya pemilik, pengusaha, peruncit, pemborong dan pengimport sebagai seorang warganegara Malaysia jangan hanya melihat keuntungan semata-mata, tetapi dalam hal ini, mereka perlu menterjemahkan sifat patriotik bagi mempertahankan kepentingan dan kelestarian industri sawit negara.

Kajian pernah menunjukkan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti produk berlabel diskriminasi terhadap minyak sawit di pasaran negara ini pada 2021, yang mendapati sebanyak 80 daripada 251 premis ditinjau di sekitar Lembah Klang memaparkan produk berlabel 'Tanpa Minyak Sawit'.

Kebanyakan premis dengan produk sedemikian terletak di Petaling Jaya, Subang Jaya, Cyberjaya dan pusat bandar Kuala Lumpur.

Itu baharu 2021 dan penulis percaya kajian seumpama itu perlu didedahkan untuk 2022, 2023 dan empat bulan pertama 2024? Rakyat menaruh harapan dengan MPOC untuk terus mendedikannya.

Malah, rakyat berhak mengetahuinya kerana ia soal masa depan ekonomi negara. Sawit umpama emas merah negara, gah berstatus sebagai pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia dan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM70 juta untuk kempen menangani antiminyak sawit pada tahun lalu.

Usah takut kerana negara ini punya undang-undang tegas mengikut Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan Atau Petunjuk) (Keluasan Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022. Jika sabit kesalahan, pihak berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Kemelut antiminyak sawit harus dinoktahkan. Malaysia dan rakyat harus terus teguh memerangi perang tidak beretika selagi mana bumi kencana tanah air ini dianugerahi afwah yang tidak pernah lekang akan kirana dan ratnanya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Perunding di Pusat Penyelidikan Strategik dan bekas Ketua Komunikasi Korporat di Kementerian Industri Utama dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)



KPDN tingkat penguatkuasaan produk ada label boikot minyak sawit

Bangi: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap produk yang dilabel dengan kempen memboikot produk minyak kelapa sawit.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata industri kelapa sawit penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dan semua pihak mempertahankan perniagaan itu daripada sebarang diskriminasi.

Beliau berkata, tidak ada alasan untuk KPDN serta kementerian dan agensi lain untuk berdiam diri terhadap sebarang kempen memboikot produk kelapa sawit.

Katanya, KPDN menyambut baik kerjasama rentas kementerian dan agensi dalam penguatkuasaan terhadap produk yang dilabel dengan kempen memboikot produk kelapa sawit.

Langkah kerjasama membabitkan Kementerian Perlindungan dan Komoditi serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), katanya, dapat mengukuhkan lagi penguatkuasaan terhadap produk yang terabit dalam kempen boikot itu.

"Kita mengalu-alukan saranan Menteri Perlindungan dan Komoditi (Datuk Seri Johari Ghani) agar Kastam dapat meningkatkan penguatkuasaan dari awal kemasukan.

"Ini akan melengkapkan ekosistem bukan saja penguatkuasaan KPDN apabila produk itu sudah sampai di premis perniagaan tetapi kawal selia itu sudah bermula dari pintu masuk negara," katanya di sini semalam.

Kementerian Perlindungan dan Komoditi sebelum ini memberi amaran tegas kepada peruncit, pemborong dan pengimport di negara ini, supaya tidak menjual, mengedar atau mengimport produk yang dilabel dengan kempen memboikot produk kelapa sawit.

Menterinya, Datuk Seri Johari Ghani, berkata kementerianya akan bertindak tegas terhadap kempen boikot terbabit.

Beliau turut memberi amaran kepada peruncit, pemborong dan pengimport yang pihaknya tegas menguat kuasa Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan Atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022.

Amaran dan penegasan itu dibuat susulan tindakan KPDN menyerberu sebuah kedai serbaneka di Presint 3 di Putrajaya kerana disyaki menjual produk makanan tertera perkataan *No Palm Oil* (NPO) atau 'Tiada Minyak Sawit' pada plastik pembungkusan produk itu.

Jual minyak masak peket online perlu ikut peraturan



ARMIZAN menandatangani plak sebagai gimik Majlis Perasmian Richiamo Mart Pertama di Plaza Bangi Perdana, Bangi semalam.

BANGI — Kegiatan penjualan minyak masak peket bersubsidi secara dalam talian dengan tidak mengikut harga dan kuantiti yang ditetapkan adalah melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, minyak peket bersubsidi merupakan antara barangan kawalan yang disenaraikan di bawah Akta 122 selain 11 barangan lain seperti gula, tepung, petrol dan diesel.

"Pelbagai perundangan mem-babitkan perihal perdagangan pun boleh, Akta Kawalan Bekalan

1961 pun boleh, sebab kita tahu bahawa minyak masak peket ini barangan bersubsidi yang telah ditetapkan harga oleh kerajaan.

"Jadi, ia merupakan satu kesalahan," katanya selepas merasmikan Richiamo Mart cawangan pertama di sini semalam.

Armizan berkata demikian bagi mengulas tindakan yang bakal dikenakan kepada mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan minyak masak peket bersubsidi secara dalam talian dengan tidak mengikut harga dan kuantiti ditetapkan kerajaan.

Pada masa sama, Armizan berkata, pihaknya mengharap-

kan kerjasama orang ramai untuk membuat aduan secara rasmi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membolehkan siasatan dilakukan.

"Kita harap ada aduan rasmi kepada KPDN dan kita mempunyai SOP (prosedur operasi standard) kalau perkara berkaitan harga bekalan ini.

"Buat aduan terlebih dahulu sebelum bertindak menularkan perkara tersebut di media sosial kerana akan menyebabkan pihak terlibat menurunkan kandungan atau menghentikan kegiatan penjualan itu," katanya.



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa lori yang terlibat dalam kegiatan penyelewengan diesel di Taiping kelmarin. – IHSAN KPDN

Dua ditahan, lebih 5,000 liter diesel dirampas KPDN

TAIPING – Dua lelaki masing-masing seorang majikan dan pemandu lori bersama 5,510 liter minyak diesel yang cuba diseleweng oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak di sebuah ladang sawit di Trong, di sini kelmarin.

Operasi pada pukul 5 petang itu adalah hasil maklumat awam dan risikan yang dijalankan KPDN Perak selama dua minggu di sekitar Taiping.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, melalui risikan dan pematanaan mendapati, modus operandi sindiket itu adalah menggunakan sebuah lori bertutup kanvas membuat pembelian diesel di stesen minyak sekitar Segari dan Manjung secara ber-

ulang-kali.

"Diesel itu kemudian disimpan di sebuah premis tidak berlesen dalam ladang sawit dan dipercayai minyak tersebut akan dijual kepada pengguna industri dengan mengambil keuntungan berlipat kali ganda," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, cecair yang disyaki diesel, enam buah square tank, peralatan pam penyedut, televisyen litar tertutup (CCTV) dan sebuah lori disita untuk siasatan lanjut dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM38,389.20.

"Dua lelaki berusia 28 dan 56 tahun tersebut ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," tambahnya.



FUZIAH (kiri) menyerahkan sumbangan Kelab Kebajikan kepada kakitangan, Zawawi Mat (kanan) diiringi Azman (tengah) di pelcarangan KPDN Kelantan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

'Ada peronda pun masih ada yang cuba seberang Sungai Golok'

Kota Bharu: Agensi Pintu Masuk dan Kawalan Malaysia (MCBA) yang sudah memulakan tugas disifatkan mampu mengurangkan kegiatan penyeludupan di sempadan.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, walaupun bukannya mampu menyelesaikan secara total, MCBA mampu mengurangkan aktiviti penyeludupan selain mengukuhkan kerjasama dalam operasi bersepadu.

"Ini kerana dalam keadaan pasukan keselamatan sedang meronda pun saya melihat masih ada cubaan untuk menyeberangi Sungai Golok.

"Apatah lagi sekarang

keadaan air Sungai Golok yang kering. Tahniah dan syabas kepada mereka yang bekerja kuat menjaga sempadan," katanya di Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN Kelantan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah KPDN, Datuk Azman Ismail.

Dalam perkembangan lain, Fuziah memaklumkan, sepanjang Januari tahun ini hingga semalam, KPDN Kelantan merekodkan nilai sitaan keseluruhan lebih RM2.64 juta.

Katanya, daripada jumlah berkenaan, nilai sitaan barang kawalan meliputi petrol, diesel, minyak masak dan gula sebanyak RM379,402.

"Ia membabitkan 296 kes dan tangkapan sebanyak 109 orang," katanya.

Tunggu audit siap!

Nama syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi terbabit penyelewengan barangan kawalan akan didedahkan

Bangi

Nama syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi yang dikenal pasti terbabit dalam aktiviti penyelewengan barangan kawalan akan didedahkan sebaik laporan lengkap diterima, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata, ketika ini beberapa negeri masih belum selesai menjalankan proses audit dan menyerahkan laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Sebaik laporan itu siap, kita akan melaksanakan pengumuman dan tindakan yang perlu dalam tahun ini serta penambahbaikan yang akan dilakukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan cawangan pertama Richiamo Mart, di sini, semalam.

Pada 10 Mac lalu, Armi-



ARMIZAN pada sidang media selepas merasmikan Richiamo Mart di Bangi.

zan berkata, pihaknya akan mendedahkan senarai syarikat yang menyeleweng hingga menyebabkan ketirisan agihan minyak masak di pasaran dan mengenakan tindakan tegas termasuk pembatalan serta mer-ta lesen.

Dalam pada itu, beliau

berkata, pihak yang menjual minyak masak paket bersubsidi secara dalam talian dengan tidak mengikut harga dan kuantiti ditetapkan kerajaan bakal berdepan tindakan undang-undang kerana melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Menurutnya, minyak masak paket bersubsidi antara barangan kawalan yang disenaraikan di bawah Akta 122 selain 11 barangan lain seperti gula, tepung, petrol dan diesel.

Pencarian di media sosial mendapati barangan kawalan itu dijual secara pukal pada harga RM90 bagi tiga kotak yang mengandungi 50 paket minyak masak dan RM900 bagi 50 kotak yang mengandungi 850 paket.

Beliau turut mengharap-kan kerjasama orang ramai untuk membuat aduan rasmi kepada KPDN terhadap sebarang kesalahan berhubung barangan kawalan sebelum menularkannya di media sosial.

"Bila ditularkan maka pihak yang melakukan kesalahan akan menyembunyikan kesalahan mereka.

"Buat laporan secara rasmi di portal dan platform disediakan dan saya beri komitmen yang kita akan ambil tindakan serta-merta," katanya.

KPDN komited banteras kempen boikot produk kelapa sawit

Bangi: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited melaksanakan penguatkuasaan terhadap produk yang dilabel dengan kempen memboikot produk kelapa sawit.

Menterinya, Datuk Ar-mizan Mohd Ali berkata, ini kerana industri minyak sawit adalah penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dan semua pihak mempertahankan daripada sebarang diskriminasi.

Beliau berkata, tiada alasan KPDN serta kementerian dan agensi lain untuk hanya berdiam diri terhadap sebarang kempen boikot minyak sawit.

Justeru itu katanya, KPDN menyambut baik langkah kerjasama rentas kementerian dan agensi dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap produk yang dilabel dengan kempen memboikot produk minyak sawit.

Langkah kerjasama membabitkan Kementerian Perlindungan dan Komoditi serta Jabatan Kas-

tam Diraja Malaysia (JKDM) dapat mengukuhkan ekosistem penguatkuasaan terhadap produk yang terbabit dalam kempen boikot.

"Kita mengalu-alukan saranan Menteri Perlindungan dan Komoditi (Datuk Seri Johari Ghani) agar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dapat meningkatkan penguatkuasaan dari awal kemasukan.

"Ia akan melengkapkan ekosistem bukan saja penguatkuasaan KPDN apabila produk itu sudah sampai di premis perniagaan, tetapi kawal selia itu sudah bermula dari pintu masuk negara," katanya selepas merasmikan Richiamo Mart di sini, semalam.

Kementerian Perlindungan dan Komoditi sebelum ini memberi amaran tegas kepada peruncit, pemborong dan pengimport di negara ini supaya tidak menjual, mengedar atau mengimport produk yang dilabel dengan kempen memboikot produk kelapa sawit.

Dedah nama syarikat seleweng produk subsidi

Syarikat pembungkusan semula minyak masak culas sedang dikenal pasti KPDN

BANGI

Nama syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi yang dikenal pasti terlibat dalam aktiviti penyelewengan barangan kawalan itu akan didedahkan sebaik laporan lengkap diterima.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ketika ini beberapa negeri masih belum selesai menjalankan proses audit dan menyerahkan laporan kepada Kementerian.

"Sebaik laporan itu siap, kita akan melaksanakan pengumuman dan tindakan yang perlu dalam tahun ini serta penambahbaikan yang akan dilakukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan cawangan pertama Richiamo Mart di sini pada Ahad.

Pada 10 Mac lepas, Armizan berkata, pihaknya akan mendedahkan senarai syarikat yang menyeleweng hingga menyebabkan ketirisan agihan minyak masak di pasaran dan mengenakan tindakan tegas termasuk pembatalan serta-merta lesen.

Dalam pada itu, Armizan berkata, KPDN akan melaksanakan pe-



Armizan (kanan) menyempurnakan perasmian pembukaan Richiamo Mart di Bangi pada Ahad.



nguatkuasaan secara tegas terhadap produk dilabel dengan kempen boikot produk minyak kelapa sawit.

Armizan berkata, ini kerana industri kelapa sawit adalah salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dan semua pihak wajar mempertahankan perniagaan itu daripada sebarang diskriminasi.

Beliau berkata, tidak ada alasan untuk KPDN serta Kementerian dan agensi lain berdiam diri terhadap sebarang kempen boikot produk kelapa sawit.

"Kita mengalu-alukan saranan Menteri Perdagangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Ghani agar kastam dapat meningkatkan penguatkuasaan dari awal kemasukan.

"Ini akan melengkapi ekosistem bukan saja penguatkuasaan

KPDN apabila produk itu sudah sampai di premis perniagaan tetapi kawal selia itu sudah bermula dari pintu masuk negara," katanya.

Terdahulu, Johari memberi amaran tegas kepada peruncit, pemborong dan pengimport di negara ini agar tidak menjual, mengedar atau mengimport produk yang dilabel dengan kempen boikot produk kelapa sawit.

Johari dilaporkan berkata, kementerianya akan bertindak tegas terhadap kempen boikot terbabit yang sebelum ini dilaksanakan secara agresif di luar negara.

Amaran itu dibuat susulan tindakan KPDN menyerbu sebuah kedai serbaneka di Putrajaya kerana disyaki menjual produk makanan tertera perkataan label No Palm Oil (NPO) atau 'Tiada Minyak Sawit' pada plastik pembungkusan produk itu.

Tunggu pengumuman PM – Fuziah

KOTA BHARU - Masyarakat tidak perlu percaya atau membuat sebarang spekulasi berhubung dakwaan kenaikan harga minyak petrol seperti dilaporkan media asing.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh sebaliknya mahu pengguna menunggu pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan perkara itu.

Beliau mengakui subsidi bersasar akan dilaksanakan tetapi mengikut mekanisme yang sesuai dengan kepentingan pengguna.

"Janganlah mendahului kerajaan. Kita

memang ke arah subsidi bersasar dan pihak KPDN sedang berusaha mewujudkan beberapa mekanisme sebagai persiapan ke arah itu," katanya kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KPDN di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan media asing yang mendakwa akan berlaku kenaikan harga petrol dan diesel bermula Jun.

Pada majlis yang turut dihadiri Pengarah KPDN, Datuk Azman Ismail itu, Fuziah melancarkan lagu tema KPDN.

Fuziah juga memberitahu, Kementerian Kewangan sebelum ini sudah memaklumkan syarikat Sektor Pengangkutan Darat (barangan) boleh mendapatkan kad fleet

daripada syarikat minyak pilihan untuk pembelian diesel bersubsidi jika berlaku kenaikan bahan api itu.

Katanya, ada sembilan kategori lori yang membawa barangan layak mendapat subsidi selain 10 kategori sebelum ini yang memang sudah pun menerima keistimewaan berkenaan.

"Jadi kita sudah meminta pemilik lori dan syarikat terbabit mendaftar untuk mendapatkan kad fleet.

"Ini merupakan persiapan untuk penyasaran subsidi namun pengumuman itu akan dilakukan oleh kerajaan sendiri dan media asing tidak boleh mendahului kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, Fuziah turut mengin-

INFO JUMLAH SUBSIDI BAHAN API SETIAP TAHUN

PETROL, DIESEL & LPG

- 2018 - RM7.4B
- 2019 - RM6.1B
- 2020 - RM1.6B
- 2021 - RM13.2B
- 2022 - RM37.3B

gatkan peniaga supaya tidak tidak mengambil kesempatan menaikkan harga susulan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam.

"Pada minggu pertama kerajaan menarik subsidi ayam dan pada minggu kedua ada usaha untuk menaikkan harga sehingga tidak munasabah.

"Jadi kita terus keluarkan notis dan kenakan tindakan kerana tahu kos pengeluaran dan pengangkutan tidak meningkat," katanya.

KPDN serbu premis sembunyi 5,510 liter diesel bersubsidi



Anggota KPDN Perak memeriksa lori digunakan sindiket untuk menyeleweng diesel bersubsidi.

TAIPING - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak berjaya membongkar kegiatan penyelewengan 5,510 liter minyak diesel bersubsidi yang disembunyikan di sebuah premis dalam ladang kelapa sawit di Trong di sini pada Sabtu.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan Op Tiris 3.0 sekitar jam 5 petang itu dijalankan pasukan penguat kuasa KPDN Cawangan Taiping hasil maklumat awam dan risikan yang dijalankan selama dua minggu.

"Modus operandi sindiket ini adalah menggunakan sebuah lori bertutup kanvas membuat pembelian minyak diesel di stesen minyak sekitar Segari dan Manjung secara berulang kali.

"Minyak diesel itu kemudian disimpan di premis tidak berlesen dalam ladang sawit sebelum dijual kepada pengguna industri dengan mengambil keuntungan berlipat kali ganda," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut beliau, dua lelaki berusia 28 dan 56 tahun dipercayai pemandu lori dan majikan ditahan untuk siasatan lanjut.

"Cecair disyaki bahan api diesel, enam tangki peralatan pam penyedut, kamera litar tertutup (CCTV), dan sebuah lori berjaya disita untuk siasatan lanjut.

"Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM38,389.20," katanya.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

STEPPING UP ENFORCEMENT

Ministry ready to come down hard on 'no palm oil' products

BANGI: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is committed to enforcing measures against products labelled with anti-palm oil campaigns, said minister Datuk Armizan Mohd Ali.

In addition, the names of companies involved in the misappropriation of subsidised cooking oil will also be exposed.

Armizan said there was no justification for this ministry and other ministries or agencies to remain passive towards anti-palm oil campaigns.

He welcomed the collaborative efforts across ministries and agencies to enforce measures against products labelled with such campaigns.

The cooperation involving the Plantation and Commodities Ministry and the Customs Department, he noted, would strengthen enforcement against products associated with boycott campaigns.

"We welcome the suggestion from the plantation and commodities minister (Datuk Seri Johari Abdul Ghani) for Customs to enhance enforcement starting from the point of entry into the country," he said after launching Richiamo Mart here yesterday.

Johari previously issued a stern warning to retailers, wholesalers, and importers in the country against selling, distributing, or importing products labelled with anti-palm oil campaigns.

He stressed that his ministry would take decisive action against such boycott campaigns, which have been aggressively implemented abroad.

These warnings and assurances followed the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's raid on a convenience store in Precinct 3, Putrajaya on Thursday suspected of selling food products labelled "No Palm Oil" or "Tiada Minyak Sawit" on the packaging.

Meanwhile, Bernama reported the names of subsidised cooking oil repackaging companies identified to have engaged in malpractice related to the controlled goods will be exposed once the full report is received, according to Armizan.

He said several states have yet to complete the audit process and submit their reports.

"Once the audit reports are finalised, we will announce the actions to be taken this year and the improvements to be made."

15,000 consumer complaints received

SEREMBAN: A total of 15,753 consumer complaints were received nationwide, including 7,711 cases through the Domestic Trade and Cost of Living Ministry Aduan Suri platform, in the first four months of this year, said Deputy Minister Fuziah Salleh.

She said the highest number of complaints via Aduan Suri were related to online transactions (2,105), followed by complaints regarding prices (1,978) and misleading services (1,342).

"Men accounted for almost 50% of complainants on Aduan Suri. It's the most popular channel so far and easy to use. Some 95% of the complaints have been resolved.

"In Negeri Sembilan, 479 complaints were recorded, including 217 through Aduan Suri. A total of 93% of the complaints have been resolved, with the rest under the ministry's action," she said at the Negeri Sembilan-level National Consumer Day 2024 celebration at Dataran Centrio on Saturday.

She said the highest complaints through Aduan Suri in the state were related to the price of goods (135), online transactions (123) and misleading services (58). – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jimat hampir RM30 bilion jika subsidi bahan api dikurangkan

Dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, kesan jangka panjang langkah itu memberi impak yang baik kepada perbelanjaan fizikal negara kerana ia menjimatkan perbelanjaan sehingga hampir RM20 hingga RM30 bilion setahun.

"Penjimatan ini memberi manfaat kepada sektor-sektor kritikal negara seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan luar bandar yang boleh diberi penumpuan lebih efisien dan penambahbaikan dari segi sistem yang sedia ada serta menyeluruh kepada semua rakyat.

"Dari aspek negatif pula, sudah pasti ia memberi kesan kepada rakyat terutama bagi golongan yang tercicir daripada menikmati subsidi ini walaupun layak kerana ketidaktepatan data sedia ada," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menyangkal laporan media luar negara kononnya kerajaan membuat keputusan untuk mengumumkan kenaikan harga minyak petrol dan diesel.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan itu berkata, mesyuarat Jemaah Menteri langsung tidak membincangkan perkara itu sebelum ini, termasuk minggu lepas.

Bashir Ahmad berkata, kesan jangka masa pendek pengurangan subsidi bahan api lebih bersifat anjal kerana pembeli dan penjual memerlukan masa untuk mengimbangi kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Pada masa sama katanya, pergerakan ekonomi domestik dijangka bergerak pada fasa yang perlahan sehingga hujung



HASIL penjimatan daripada pengurangan subsidi bahan api boleh disalurkan untuk tujuan lain termasuk meningkatkan kesejahteraan rakyat seperti perbelanjaan pembangunan dan pendidikan.

tahun ini.

"Tetapi jika dilihat dari sudut jangka masa panjang, apabila keseimbangan permintaan dan penawaran domestik dapat diimbangi dengan pengurangan subsidi petrol ini, ia menunjukkan momentum peningkatan secara sederhana terhadap domestik ekonomi diimbangi dengan kenaikan gaji kakitangan awam serta kawalan dan pertumbuhan monetari negara," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, kenaikan inflasi mungkin berlaku disebabkan kenaikan harga minyak ekoran pengurangan subsidi yang memberi kesan kepada rantaian perniagaan seperti pengangkutan, bahan mentah dan tenaga buruh.

Katanya, pengurangan subsidi sudah semestinya memberi ruang kepada kerajaan untuk membelanjakan kepada perkara yang lebih produktif seperti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur.

"Justeru, ada impak jangka pendek dan panjang iaitu in-

flasi yang memberi kesan kepada rakyat manakala bagi subsidi bahan api pula, meskipun membantu dalam mengekalkan harga petrol namun masih ada kos yang perlu ditanggung oleh generasi akan datang.

"Di samping itu, ia memberi mesej yang positif berkaitan disiplin kewangan kerajaan yang mana membantu dalam penilaian kredit yang positif oleh agensi penarafan kredit seperti Moody's, S&P Global Ratings (S&P) dan Fitch Group. Buat masa ini, penarafan kredit kerajaan Malaysia berada pada paras A3, A- dan BBB+ oleh ketiga-tiga agensi penarafan kerajaan tersebut," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, rakyat perlu sedar bahawa usaha kerajaan meningkatkan produktiviti negara adalah penting kerana melibatkan pelaburan jangka panjang seperti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur serta pelaburan yang memerlukan dana.

"Oleh itu, perkara ini perlu diterangkan dengan sejelas-jelasnya supaya rakyat faham kesannya pada masa jangka panjang," katanya.

Harga barang naik dulu sebelum gaji



UNTUNG
RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam mulai Disember 2024 iaitu kurang lebih tujuh ke lapan bulan dari sekarang. Berita ini menggembirakan penjawat awam dan amat tepat untuk dilaksanakan ketika kos sara hidup terus meningkat. Kenaikan harga barang sekarang dilihat tidak selari dengan gaji dan upah yang diterima oleh penjawat awam dan pekerja swasta.

Bagi mengawal ketidakseimbangan yang ketara antara pendapatan dengan kenaikan harga barang, kerajaan melaksanakan kenaikan gaji penjawat awam agar jurang ini mengecil. Namun, manfaat kenaikan gaji ini akan dinikmati jika harga barang dapat dikawal sekali gus membantu penjawat awam mempunyai lebih pendapatan yang boleh digunakan.

Berdasarkan perkembangan semasa, penulis tidak menolak kemungkinan berlakunya pengurangan subsidi bahan api tidak lama lagi dan

ini tentu sekali akan memberi kesan kepada golongan T20 dan sebahagian M40. Penulis berpandangan sebelum dilaksanakan, amat penting untuk kerajaan semak semula pengelasan pendapatan isi rumah. Persoalan yang timbul, adakah semua T20 atau sebahagian M40 ini tergolong dalam kelompok yang mewah?

Berdasarkan pengelasan isi rumah pada tahun 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, isi rumah yang berpendapatan bawah RM4,850 sebulan dikategorikan sebagai B40, isi rumah M40 berpendapatan antara RM4,851 hingga RM10,970, manakala kumpulan isi rumah yang berpendapatan melebihi RM10,971 dikategorikan sebagai T20. T20 pula dibahagikan kepada dua iaitu T1- RM10,971 hingga RM15,040 dan T2- RM15,041 dan ke atas.

Sebagai contoh, dalam sebuah rumah, hanya suami yang bekerja dengan pendapatan RM12,000 sebulan. Beliau bekerja di sektor swasta dan tinggal di Kuala Lumpur serta menanggung perbelanjaan isi rumah yang melibatkan isteri dan lima orang anak. Mengikut pengelasan semasa, beliau ialah T20.

Namun, berapakah sebenarnya anggaran baki pendapatan beliau setelah ditolak cukai pendapatan, KWSP dan Perkeso? Anggaran baki pendapatannya

adalah antara RM9,000 ke RM10,000. Dengan baki ini jika tolak pinjaman rumah, contohnya RM1,500, kereta RM800, bil utiliti RM500, petrol RM500, tol RM200, insurans keluarga sekitar RM600 dan kad kredit katakanlah RM500. Maka baki pendapatan adalah sekitar RM4,000 ke RM5,000 sahaja.

Baki tersebut akan digunakan untuk membeli barang keperluan harian dan barang dapur, selain perbelanjaan untuk lima orang anak yang masih bersekolah dengan mengambil kira kos pengangkutan, makanan dan duit belanja sekolah. Ini belum mengambil kira hutang lain seperti pinjaman peribadi, bayaran PTPTN, ada masa perlu servis kereta, sampai masa perlu membayar cukai jalan dan insurans kereta serta lain-lain.

Jika ditolak semua perbelanjaan berapakah yang tinggal? Berapakah baki di tangan beberapa hari sebelum hari gaji seterusnya? Tidak mustahil baki di tangan tinggal beberapa ratus sahaja ataupun berkemungkinan defisit.

Jika pengurangan subsidi bahan api dilaksanakan, kumpulan ini akan tambah terkesan dengan lebih ketara. Pengurangan subsidi bahan api juga berpotensi memberi kesan terhadap inflasi termasuk bagaimana ia memberi kesan impak terhadap pembelian kenderaan dan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi kos perjalanan menggunakan kenderaan sendiri. Pengurangan subsidi bahan api turut berpotensi memberi kesan kepada kenaikan harga barang disebabkan kenaikan kos pengangkutan dan logistik.

Subsidi bersasar juga memberi kesan terhadap kuasa beli yang berpotensi menyebabkan rakyat lebih berhati-hati dalam berbelanja. Kita tidak mahu situasi yang mana kenaikan gaji penjawat awam belum diperolehi tetapi harga barang pula yang naik terlebih dahulu dalam beberapa bulan mendatang.

Penulis berpandangan terdapat keperluan untuk kerajaan mengkaji semula pengelasan pendapatan isi rumah terutamanya dalam konteks peralihan subsidi agar ia benar-benar selari dengan realiti di lapangan. Kerajaan juga perlu mengambil kira pendapatan isi rumah yang bersesuaian berdasarkan bilangan tanggungan khususnya anak yang masih bersekolah atau sedang belajar di institusi pengajian tinggi. Lokasi tempat bekerja dan tempat tinggal juga harus diambil kira.

* Dr. Anuar Shah Bali Mahomed
Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Putra Malaysia/The Future Research

Cabaran kenaikan kos bahan mentah

Kuala Lumpur: Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) menjangkakan kenaikan kos bahan-bahan mentah seperti gula, beras, gelatin dan serbuk koko akan memberi cabaran kepada syarikat dan sehubungan itu ia merangka strategi untuk meminimumkan kesannya.

Ketua Pegawai Kewangan, Tiong Yean Yau berkata, syarikat itu juga 'berhati-hati' terhadap isu-isu berbeza dalam pasaran pada masa ini, terutamanya yang memabitkan isu-isu geopolitik dan tekanan inflasi.

"Dari segi kos, apa yang kami lakukan ialah dengan lindung nilai komoditi terhadap tempahan. Kami menguruskan kos untuk meminimumkan kesannya," katanya dalam taklimat keputusan kewangan bagi setengah tahun 2024 F&N.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Lim Yew Hoe berkata, harga kebanyakan komoditi stabil kecuali serbuk koko, gelatin, kepingan keluli bersalut timah, minyak sawit, beras putih dan gula yang kekal tinggi pada 2024.

Katanya, sehingga Februari 2024, harga gelatin melonjak AS\$8,370 setiap tan metrik (MT), serbuk koko naik kepada RM16,450 MT, gula melonjak kepada RM3,195 MT, manakala beras putih naik kepada RM3,700 MT.

Menurut Lim, syarikat makanan dan minuman itu terjejas kira-kira RM5 juta berikutan harga gelatin yang lebih tinggi.

"Kos gelatin yang tinggi akan memberi kesan besar kepada kami. Berita baiknya ialah setakat yang kami tahu kami mempunyai lebih banyak inventori kerana kami membeli (gelatin) lebih banyak pada tahun lepas. Apabila inventori habis tahun depan, kami akan lebih terjejas," katanya sambil menambah produk itu banyak digunakan dalam produk-produk jenama Cocoland.

Kumpulan itu turut terjejas antara RM3 juta dan RM4 juta setahun yang disebabkan harga serbuk koko yang lebih tinggi, kira-kira RM60 juta daripada harga gula yang lebih mahal dan RM5 juta disebabkan kenaikan harga beras.



F&N terjejas kira-kira RM5 juta berikutan harga gelatin yang lebih tinggi.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-May	KPDN serbu premis jual aiskrim berlabel 'No Palm Oil'	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1086270/kpdn-serbu-premis-jual-aiskrim-	HARIAN METRO
6-May	KPDN serbu premis jual produk berlabel 'No Palm Oils'	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/05/1242151/kpdn-serbu-premis-jual-produk-	BERITA HARIAN
6-May	KPDN serbu kedai jual produk 'No Palm Oil'	https://malaysiagazette.com/2024/05/03/kpdn-serbu-kedai-jual-produk-no-	MALAYSIA GAZETTE
6-May	KPDN SERBU PREMIS JUAL PRODUK BERLABEL 'NO PALM OILS'	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2293649	BERNAMA
6-May	KPDN ambil tindakan premis jual produk label 'No Palm Oil'	https://www.kosmo.com.my/2024/05/03/kpdn-ambil-tindakan-premis-jual-produk-label-no	KOSMO
6-May	KPDN serbu kedai serbaneka jual produk diskriminasi minyak sawit	https://malaysia-tribune.news/2024/05/03/kpdn-serbu-kedai-serbaneka-jual-produk-	MALAYSIA TRIBUNE
6-May	KPDN serbu premis jual produk berlabel 'No Palm Oil'	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-premis-jual-produk-berlabel-no-palm-oil-468926	ASTRO AWANI
6-May	KPDN raids premises selling products with 'no palm oil' label	https://thesun.my/local_news/kpdn-raids-premises-selling-products-with-no-palm-oil-label-EG12412215	THE SUN
6-May	Domestic Trade Ministry raids premises selling products with 'no palm oil' label	https://www.theedgemaalaysia.com/node/710217	THE EDGE MALAYSIA

6-May	KPDN serbu premis jual produk berlabel "No Palm Oil"	https://www.tvsarawak.my/2024/05/03/kpdn-serbu-premis-jual-produk-berlabel-no-palm-oil/	TV SARAWAK
6-May	Ministry raids convenience store for selling 'no palm oil' ice cream	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/05/03/ministry-raids-convenience-store-for-selling-no-palm-oil-ice-cream	THE STAR
6-May	KPDN serbu premis jual aiskrim 'no palm oil'	https://www.sinarharian.com.my/article/662625/berita/semasa/kpdn-serbu-premis-jual-aiskrim-no-palm-oil	SINAR HARIAN
6-May	Kedai serbaneka jual produk berlabel 'No Palm Oils' diserbu KPDN	https://www.dagangnews.com/article/kedai-serbaneka-jual-produk-berlabel-no-palm-oils-diserbu-kpdn-36995	DAGANG NEWS
6-May	Kedai serbaneka jual aiskrim berlabel 'No Palm Oil' diserbu KPDN	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kedai-serbaneka-jual-aiskrim-berlabel-no-palm-oil-diserbu-kpdn	BERITA RTM
6-May	KPDN serbu premis jual aiskrim berlabel 'No Palm Oil'	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-premis-jual-aiskrim-berlabel-no-palm-oil/	BULETIN TV3
6-May	KPDN serbu kedai jual produk makanan tertera ungkapan 'No Palm Oil'	https://www.malaysiakini.com/news/704315	MALAYSIA KINI
6-May	BNM perlu tetapkan peraturan ke atas pelaburan emas untuk elak penipuan	https://malaysiaga-zette.com/2024/05/03/bnm-perlu-tetapkan-peraturan-ke-atas-pelaburan-emas-untuk-elak-penipuan/	MALAYSIA GAZETTE
6-May	EWOG komited berkerjasama dengan SSM susulan arahan pembekuan Dana Akaun Amanah	https://www.dagangnews.com/article/ewog-komited-bekerjasama-dengan-ssm-susulan-arahan-pembekuan-dana-akaun-amanah-37004	DAGANG NEWS
6-May	Guna nama 'Goldman Sachs', tipu mangsa lebih RM11 juta	https://www.sinarharian.com.my/article/662670/berita/semasa/guna-nama-goldman-sachs-tipu-mangsa-lebih-rm11-juta	SINAR HARIAN
6-May	12 INDIVIDU DITAHAN TERLIBAT PENIPUAN PELABURAN GOLDMAN SACHS, KERUGIAN LEBIH RM11 JUTA	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2293736	BERNAMA

6-May	12 individu ditahan terlibat penipuan pelaburan Goldman Sachs, kerugian lebih RM11 juta	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/12-individu-ditahan-terlibat-penipuan-pelaburan-goldman-sachs-kerugian-lebih-rm11-juta-468972	ASTRO AWANI
6-May	Jualan barang dapur murah di 10 cawangan Segi Fresh hujung minggu ini	https://selangorkini.my/2024/05/jualan-barang-dapur-murah-di-10-cawangan-segi-fresh-hujung-minggu-ini/	SELANGOR KINI
6-May	Syarikat terlibat bungkus semula minyak masak akan didedahkan - Armizan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/syarikat-terlibat-bungkus-semula-minyak-masak-akan-didedahkan-armizan	BERITA RTM
6-May	KPDN sambut baik kerjasama rentas kementerian, agensi isu NPO	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-sambut-baik-kerjasama-rentas-kementerian-agensi-isu-npo	BERITA RTM
6-May	Nama syarikat seleweng minyak masak subsidi didedah sebaik laporan lengkap diterima	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/05/nama-syarikat-seleweng-minyak-masak-subsidi-didedah-sebaik-laporan-lengkap-diterima	UTUSAN BORNEO
6-May	Nama syarikat seleweng minyak masak subsidi didedah sebaik laporan lengkap diterima	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1087088/nama-syarikat-seleweng-minyak-masak-subsidi-didedah-sebaik-laporan-lengkap	HARIAN METRO
6-May	Domestic trade minister: Companies involved in misappropriation of subsidised cooking oil will be exposed	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/05/domestic-trade-minister-companies-involved-in-misappropriation-of-subsidised-cooking-oil-will-be-exposed/132596	MALAY MAIL
6-May	Companies involved in misappropriation of subsidised cooking oil will be exposed - Armizan	https://thesun.my/local_news/companies-involved-in-misappropriation-of-subsidised-cooking-oil-will-be-exposed-armizan-OG12419430	THE SUN
6-May	Minyak masak peket: Audit di peringkat akhir, ambil kira langkah penambahbaikan - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/minyak-masak-peket-audit-di-peringkat-akhir-469208	ASTRO AWANI

6-May	NAMA SYARIKAT SELEWENG MINYAK MASAK SUBSIDI DEDDAH SEBAIK LAPORAN LENGKAP DITERIMA	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2294352	BERNAMA
6-May	Minyak sawit: Tiada tolak ansur terhadap produk terbabit kempen boikot - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/minyak-sawit-tiada-tolak-ansur-terhadap-produk-terbabit-kempen-boikot-armizan-469206	ASTRO AWANI
6-May	KPDN minta semua pihak pantau label boikot sawit	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-minta-semua-pihak-pantau/	UTUSAN MALAYSIA
6-May	Jangan ambil kesempatan naik harga barang, KPDN laung 'amaran'	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/05/jangan-ambil-kesempatan-naik-harga-barang-kpdn-laung-amaran/	FREE MALAYSIA TODAY
6-May	Peniaga diminta tidak naikkan harga barang - Fuziah Salleh	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peniaga-diingatkan-tidak-naikkan-harga-barang-fuziah-salleh	BERITA RTM
6-May	Subsidi bersasar: Jangan buat spekulasi, tunggu pengumuman rasmi kerajaan	https://thesun.my/cerita/berita/subsidi-bersasar-jangan-buat-spekulasi-tunggu-pengumuman-rasmi-kerajaan-HG12419824	THE SUN
6-May	Targeted subsidy: 'Do not speculate, wait for official announcement'	https://www.dailyexpress.com.my/news/233639/targeted-subsidy-do-not-speculate-wait-for-official-announcement/	DAILY EXPRESS
6-May	Subsidi bersasar: Tunggu pengumuman rasmi, jangan buat spekulasi - Fuziah	https://www.malaysiakini.com/news/704584	MALAYSIA KINI
6-May	Kenaikan gaji penjawat awam: KPDN pantau kenaikan harga barang	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1243237/kenaikan-gaji-penjawat-awam-kpdn-pantau-kenaikan-harga-barang	BERITA HARIAN

6-May	Targeted subsidy: 'Do not speculate, wait for official announcement'	https://thesun.my/local_news/targeted-subsidy-do-not-speculate-wait-for-official-announcement-kpdn-	THE SUN
6-May	Tunggu pengumuman PM, jangan percaya media asing - Fuziah	https://www.sinarharian.com.my/article/662991/berita/nasional/tunggu-pengumuman-pm-jangan-percaya-media-asing---fuziah	SINAR HARIAN
6-May	Subsidi bersasar: Jangan buat spekulasi, tunggu pengumuman rasmi kerajaan	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/05/subsidi-bersasar-jangan-buat-spekulasi-tunggu-pengumuman-rasmi-	UTUSAN BORNEO
6-May	Subsidi bersasar: Jangan buat spekulasi, tunggu pengumuman rasmi kerajaan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/subsidi-bersasar-jangan-buat-spekulasi-tunggu-pengumuman-rasmi-kerajaan-469224	ASTRO AWANI
6-May	Deputy domestic trade minister tells public not to speculate, wait for official announcement on targeted subsidies	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/05/deputy-domestic-trade-minister-tells-public-not-to-speculate-wait-for-official-announcement-on-targeted-subsidies/132605	MALAY MAIL